

Kulit tersiat diseret peragut

Guru tuisyen jatuh tergoлек di atas jalan selepas beg disentak

>>Oleh Hamizah Badiran

am@hmetro.com.my

KLANG: "Saya rasa kulit seperti tersiat-siat selepas diseret atas jalan. Peragut itu tak mahu mengalah dan tarik beg serta hampir mencekik leher saya," kata mangsa ragut, Lim Peh Ching, 33.

Dia yang juga guru tuisyen berkata, kejadian berlaku jam 3.45 petang, di Jalan Kasawari 4, Taman Eng Ann, di sini, Sabtu lalu, ketika dia berjalan berseorangan selepas pulang daripada membeli minyak di sebuah pam minyak tidak jauh dari situ berikutan kenderaannya kehabisan petrol.

Ketika itu seorang peragut yang menunggang motosikal dengan memakai topi keledar bertutup penuh tiba-tiba muncul dan menyambar beg tangannya menyebabkan dia jatuh tergoлек di atas jalan tar.

Mangsa mendakwa diheret hampir 400 meter dan melepasi kira-kira 23 rumah teres di situ sebelum peragut terbabit melarikan beg tangannya yang mengandungi kad pengenalan, lesen me-



SAKIT...Lin bersama ahlinis masyarakat, Peter Tan (kiri) menunjukkan laporan polis yang dibuatnya.

mandu, wang tunai RM18 dan dua telefon bimbit.

Menceritakan kejadian, Lim mendakwa, ketika berjalan dia menyalang beg pada bahu bagi mengelakkan jenayah peragut.

"Ketika tarik-menarik beg itu tidak tanggal daripada badan saya menyebabkan tali beg hampir mencekik leher sebelum terlepas.

"Ketika itu saya terbayang wajah tiga anak dan mati," kata yang luka hampir seluruh badan selain kaki terseliuh.

Berikutan itu, dia terlantar di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang selama empat hari sebelum dibenarkan pulang kelmarin.

Lim mendakwa beberapa penduduk yang melihat kejadian itu cuba mengejar suspek terbabit, tetapi gagal sebelum menghantarnya ke klinik berhampiran.

Katanya, dia yang lemah dan luka masih berdarah pada badan pergi ke Balai Polis Bandar Baru Klang membuat laporan kejadian itu, namun kecewa kerana terpaksa menunggu lebih sejam sebelum dilayan.